

**Ketahuiilah
Bahaya
EKSTASI**



Panduan Untuk Anda

Apa itu EKSTASI?



Adalah sejenis dadah perangsang jenis amfetamina. Dadah berbahaya ini boleh merosakkan otak dan organ-organ utama dalam badan serta menyebabkan kematian.

Ekstasi terdapat dalam pelbagai bentuk dan dikenali dengan pelbagai nama seperti *pink lady*, *playboy*, *love drug* atau *apple*. Di Barat, dadah ini sudah lama berleluasa dan menjadi satu bencana yang memusnahkan hidup remaja sehingga menyebabkan kesengsaraan kepada mereka yang terlibat. Di negara kita, penggunaan dadah ini sudah meningkat ke satu tahap yang amat membimbangkan.

Dadah ini sering disalahgunakan oleh mereka yang mengunjungi kelab malam, disko dan pusat hiburan. Mereka mencari keseronokan tanpa memikirkan akibat buruknya.



Apakah Kesan Buruk **EKSTASI**?

Disebalik kesan-kesan yang difikir menyenangkan, hakikatnya pengambilan Ekstasi boleh membawa kepada banyak kesan buruk dan berbahaya seperti:

- Muntah • Kekejangan otot • Keletihan yang melampau • Dehidrasi yang teruk
- Peningkatan tekanan darah
- Peningkatan suhu badan yang melampau (*heat stroke*) • Mandul • Mati pucuk
- Kecenderungan bertindak ganas
- Hilang pertimbangan/tumpuan
- Halusinasi (khayal) • Keresahan
- Mudah marah • Kemurungan
- Tidak berfikiran waras



Bagaimana **EKSTASI** Membawa Maut?

Kematian boleh berlaku akibat daripada:

- Kerosakan organ-organ utama seperti otak, paru-paru, jantung, buah pinggang dan hati.
- Peningkatan tekanan darah dan kadar denyutan jantung yang amat sangat sehingga berlakunya kegagalan jantung dan pendarahan otak (strok).
- Peningkatan suhu badan yang melampau yang menyebabkan kekurangan cecair badan yang teruk, koma dan kegagalan fungsi organ-organ utama.



Risiko-risiko Lain **EKSTASI**

- Ekstasi dibuat secara haram dan tidak terkawal. Sejak kebelakangan ini dadah ini didapati mengandungi campuran bahan-bahan berbahaya seperti racun tikus, simen dan kaca. Bahan-bahan ini meningkatkan lagi kesan buruk pengambilan Ekstasi.
- Penyalahgunaan Ekstasi secara suntikan melalui perkongsian jarum boleh membawa risiko HIV/AIDS.
- Penyalahguna akan menjadi ketagih dan menganggap dadah ini sangat penting sehingga menjejaskan aktiviti-aktiviti kehidupan harian.
- Dadah ini berbahaya kepada wanita hamil kerana boleh menyebabkan kecacatan kepada bayi dalam kandungan atau/dan menyebabkan kematian.

Masalah-Masalah Sosial Akibat Penyalahgunaan **EKSTASI**

- Mendorong kepada gejala jenayah dan sosial seperti mencuri, peras ugut dan pelacuran yang akan memusnahkan masa depan remaja.
- Mendedahkan remaja wanita kepada bahaya eksploitasi seks seperti dicabuli atau menghidap penyakit kelamin.
- Penyalahgunaan Ekstasi secara suntikan melalui perkongsian jarum boleh membawa kepada risiko HIV/AIDS.
- Menjejaskan hubungan ahli keluarga dan rakan sejawat akibat perubahan tingkahlaku.
- Menjejaskan prestasi pekerja dan pelajar serta kualiti kehidupan mereka.
- Meningkatkan risiko kemalangan jalan raya berikutan daripada hilang tumpuan.



Jauhi **EKSTASI**

Tindakan Anda

- Jangan sesekali mencuba atau mengambil Ekstasi.
- Kenali dan pilih rakan untuk mengelak pengaruh kurang sihat.
- Katakan "TIDAK" kepada ajakan negatif rakan sebaya.
- Dapatkan bantuan dan sokongan sosial untuk mengatasi masalah anda.
- Libatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sosial yang sihat seperti bersukan dan beriadah.
- Sertai projek-projek khidmat masyarakat.
- Patuhi ajaran agama dan ibu bapa.

Peranan Ibu Bapa

- Menekankan aspek moral dalam keluarga.
- Mengekal dan memperbaiki hubungan komunikasi dalam keluarga.
- Bersedia mendengar luahan anak-anak dan berbincang secara terbuka.
- Sentiasa mengambil tahu di mana anak anda berada, aktiviti yang dilakukan dan mengenali rakan mereka.
- Memastikan kedatangan anak-anak ke sekolah.
- Berhubung rapat dengan pihak sekolah.
- Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sekolah.
- Menyokong pelaksanaan dasar sekolah ke arah membanteras dadah.
- Berkongsi pengetahuan tentang masalah remaja terlibat dengan dadah bersama ibu bapa lain.



TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Ekstasi adalah dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (pindaan 1998)

Pemilikan Ekstasi boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000.00 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

- Pemilikan lebih 5 gm tetapi kurang 30 gm
Penjara 2 hingga 5 tahun dan 3 hingga 9 sebatan.
- Pemilikan lebih 30 gm tetapi kurang 50 gm
Penjara 5 tahun hingga seumur hidup dan tidak kurang daripada 10 sebatan.
- Pemilikan melebihi 50 gm
Dianggap mengedar dadah berbahaya dan hukuman mati mandatori.



**JANGAN MENGAMBIL EKSTASI
SEKALI TERJEBAK
MERANA SEPANJANG HAYAT**

SAYANGI DIRI • JAUHI EKSTASI

